

PEMATUHAN KEPERLUAN PENYENARAIAAN BURSA MALAYSIA

Maklumat Lain Tentang Pematuhan Bursa Malaysia

1. Beli Balik Saham

Syarikat belum membeli mana-mana sahamnya sendiri dalam TK 2008 dan tahun kewangan sebelumnya.

2. Kontrak Penting

Tiada kontrak penting (bukan kontrak yang diikat dalam urusan perniagaan biasa) diikat oleh Kumpulan yang melibatkan pengarah dan pemegang saham, sama ada masih ada pada penghujung tahun kewangan atau diikat sejak penghujung tahun kewangan sebelumnya.

3. Resit Depositori Amerika (ADR) atau Resit Depositori Global (GDR)

Syarikat belum menaja mana-mana program ADR atau GDR bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

4. Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sekatan dan/atau penalti dikenakan ke atas Syarikat, pengarah atau pengurusan oleh badan pengawalaturan berkenaan dalam tahun kewangan.

5. Jaminan Keuntungan

Dalam tahun kewangan, tiada jaminan keuntungan diberikan oleh Syarikat.

6. Dasar Penilaian Semula

Kumpulan belum menilai semula hartanah dan oleh yang demikian belum menggunakan apa-apa dasar penilaian semula pada tarikh laporan ini.

7. Penggunaan Hasil Yang Diperoleh daripada Cadangan Korporat

Dana yang dikumpulkan dilaksanakan oleh Syarikat dan syarikat subsidiarinya seperti yang berikut:

(a) Pada 15 Januari 2008, Syarikat telah menyempurnakan latihan penerbitan hak yang boleh dilepaskan semula dan menerbitkan 295,972,939 saham baru biasa pada harga terbitan RM3.40 sesaham. Hasil tersebut digunakan seperti berikut:-

Perihalhan	Penggunaan (RM'000)
Untuk membiayai sebahagian dari penswastan AmlInvestment Group Berhad	996,588
Bayaran belanja penerbitan	9,720
Jumlah hasil	1,006,308

(b) AmBank (M) Berhad ("AmBank") telah menerbitkan enam (6) tahap Nota Jangka Sederhana berjumlah RM1,460 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana bernilai nominal RM2.0 bilion. Hasil telah dan/atau akan digunakan oleh AmBank seperti berikut:

Perihalhan	Penggunaan (RM'000)
Modal kerja	799,721
Membiayai semula bon/pinjaman subordinat yang sedia ada	660,000
Bayaran belanja penerbitan	279
Jumlah hasil	1,460,000

8. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Pada 31 Mac 2008, tiada opsyen atau waran yang belum dijelaskan. Bagaimanapun, sekuriti boleh tukar berikut belum dijelaskan:

(i) Bon Boleh Tukar tidak bercagar 10 tahun bernilai nominal RM575 juta diterbitkan pada 18 Mei 2007, yang boleh ditukar kepada 194,915,254 saham biasa baru Syarikat, kepada ANZ Funds Pty Ltd pada harga RM2.95 sesaham.

9. Perubahan dalam Keputusan

Tiada ramalan keuntungan, unjuran atau hasil tidak di audit dibuat atau diumumkan bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.

10. Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan yang bersifat Hasil atau Perdagangan

Menurut perenggan 10.09(1) (b), Bahagian E, Bab 10 Syarat Penyenaian Bursa Malaysia, perincian urus niaga berulang pihak berkaitan yang dijalankan dalam tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008 menurut Mandat Pemegang Saham diberikan dalam Jadual 1.

Pihak Berurus Niaga bagi semua Pihak Berkaitan terdiri daripada Syarikat dan syarikat subsidiarinya.

Jadual 1: Perincian Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan dalam Tahun Kewangan Berakhir 31 Mac 2008 Menurut Mandat Pemegang Saham

Pihak Berkaitan	Sifat Urus Niaga	Nilai Sebenar (RM'000)	Hubungan dengan Syarikat
MCM Consulting Sdn Bhd	Pembelian perisian dan perkakasan dan peruntukan perkhidmatan berkaitan IT ¹ termasuk peruntukan perkakasan lampu	18,598	Syarikat yang Pengarah dan/atau pemegang saham utama dianggap mempunyai kepentingan
MCM Systems Sdn Bhd			
MCM Horizon Sdn Bhd			
MCM Wireless Sdn Bhd	Perkongsi bahagian hasil daripada penjualan waktu panggilan kad Telekom Malaysia melalui platform pengagihan saluran e-channel AmBank	25	
Harpers Travel (M) Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan tiket penerbangan	2,476	
Restoran Seri Melayu Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan restoran dan ketamuan	182	
AM Blue Star Sdn Bhd	Peruntukan perkhidmatan penyenggaraan alat hawa dingin	200	
Unigaya Projection System Sdn Bhd Group	Peruntukan perkhidmatan keselamatan termasuk perkhidmatan pengawal bersenjata dan tanpa senjata dan keselamatan bagi tunai dalam transit	219	
Modular Corp (M) Sdn Bhd	Peruntukan teknologi dan perkhidmatan kad elektronik	1,691	
Australia and New Zealand Banking Group Limited ("ANZ")	Peruntukan perkhidmatan teknikal ²	- *	

Nota:

- Perkhidmatan berkaitan perundangan IT terdiri daripada, tetapi tidak terhad kepada, perkhidmatan yang berikut:
 - Perekaciptaan, pembangunan dan pemeribadian perisian;
 - Penyepaduan, pemasangan, pelaksanaan, pengujian dan penggunaan perisian dalam sistem yang ditetapkan;
 - Peruntukan perkhidmatan penyenggaraan dan menaik taraf untuk aplikasi berkaitan kerangka utama dan sistem;
 - Pembangunan, pengoptimuman dan pelaksanaan laman web; dan
 - Peruntukan perkhidmatan pengurusan projek.
 - Perkhidmatan teknikal berkaitan dengan perkhidmatan runcit, perniagaan dan lain-lain perkhidmatan perbankan dan kewangan, dan operasi perniagaan perbankan, terutamanya terdiri daripada perkhidmatan berasaskan projek, peruntukan staf (selain daripada Perkhidmatan Pengurusan) dan perkhidmatan latihan serta pemindahan pengetahuan.
- * Peruntukan staf dari ANZ ke AmBank adalah berdasarkan peminjaman keluar (6 hingga 24 bulan) dan mereka digaji dan dibayar sebagai kakitangan AmBank atau jika peminjaman keluar ANZ adalah berdasarkan projek untuk tempoh 6 bulan atau kurang, AmBank akan menanggung kos kakitangan ANZ untuk perjalanan, penginapan dan elaun. Tiada pembayaran langsung dibuat kepada ANZ untuk perkhidmatan teknikal bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2008.